

Filem pendek TNB terima maklum balas luar biasa

12-12-2021 12/12/2021 M/s 24

Kuala Lumpur: Filem pendek sempena Tahun Baharu Cina diterbitkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berjudul *Ni-an-tastic New Start*, menerima maklum balas luar biasa apabila ditonton lebih 6.08 juta kali selepas seminggu dimuat naik di media sosial.

Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Arif Zainol, berkata filem pendek berdurasi lima minit itu juga mendapat lebih 30,000 interaksi di platform media sosial termasuk YouTube, Facebook, Instagram dan Twitter.

"Filem yang mengambil pen-

dekatan menyeronokkan dan beza mengenai kisah legenda Ni-an ini turut menerima 600 komen dan 5,900 reaksi.

"Sejak tayangan perdana di YouTube pada 2 Februari lalu, filem yang mengetengahkan hikmah dan cerita rakyat mengenai tradisi Tahun Baharu Cina ini menerima lebih 5,200 jumlah perkongsian di media sosial," katanya dalam kenyataan, semalam.

Di sebalik gelagat pelakon yang mencuit hati dan pendekatan unik terhadap legenda Cina, filem itu meraikan semangat kegemilangan dan positif apabila penduduk kampung yang dihantui

raksasa mitos Nian, mengembara bagi mendapatkan pertolongan mahaguru yang bijaksana untuk mengembalikan keamanan kampung mereka.

Katanya, filem berkenaan juga mengetengahkan mesej perpaduan dalam mengatasi kesukaran.

"Kepada pelanggan kami yang akan meraikan Tahun Baru Cina, saya ucapkan 'Xin Nian Kuai Le' atau Selamat Tahun Baharu. Dalam meraikan Tahun Lembu, orang ramai dimasihati untuk sentiasa mengamalkan dan mengutamakan keselamatan elektrik," katanya.



Filem pendek sempena Tahun Baharu Cina diterbitkan TNB.